

TERMA-TERMA PERKHIDMATAN VISA CONCIERGE

PENTING: SILA BACA TERMA-TERMA PERKHIDMATAN BERIKUT DENGAN TELITI SEBELUM MENGAKSES ATAU DENGAN CARA LAIN MENGGUNAKAN VISA CONCIERGE. DENGAN MENGGUNAKAN VISA CONCIERGE, ANDA BERSETUJU DENGAN KESELURUHAN TERMA-TERMA PERKHIDMATAN. SEKIRANYA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGAN KESELURUHAN TERMA-TERMA PERKHIDMATAN INI, ANDA TIDAK DIBENARKAN MENGAKSES ATAU DENGAN CARA LAIN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN INI.

Visa Concierge ("**Perkhidmatan**") adalah perkhidmatan concierge bertujuan untuk meningkatkan pengalaman anda sebagai pemegang kad Visa. Visa Worldwide Pte Limited ("**Visa**," "**kami**," "**kita**" atau kata ganti nama yang serupa) memiliki dan mengendalikan Perkhidmatan ini). Seperti yang digunakan dalam Terma-terma Perkhidmatan ini ("**Terma-terma**"), istilah "Perkhidmatan" yang ditakrifkan hendaklah juga merujuk kepada laman web Visa Concierge, sama ada dikendalikan sebagai domain, subdomain atau laman web Visa lain yang merujuk kepada Terma-terma ini (masing-masing "**Laman Web**"), dan aplikasi mudah alih Visa Concierge ("**Aplikasi**") – Aplikasi dan Laman Web secara kolektif adalah "**Platform**"), logo, reka bentuk, teks, imej, video, grafik, perisian serta kandungan dan bahan-bahan lain daripada Visa atau pemberi lesen yang boleh didapati menerusi Perkhidmatan, dan pemilihan serta pengaturannya, (secara kolektif, "**Kandungan**"), dan perkakasan, perisian dan rangkaian Visa yang berkenaan dengan penyediaan Perkhidmatan kepada anda (secara kolektif "**Sistem**"). Seperti yang digunakan dalam Terma-terma ini, "**anda**" (atau kata nama yang serupa) merujuk kepada individu yang mengakses atau menggunakan Perkhidmatan dan mana-mana individu atau entiti pihak ketiga lain yang diberi kuasa oleh individu sedemikian untuk menggunakan Akaun individu tersebut (seperti yang ditakrifkan di bawah), melainkan jika konteks menghendaki sebaliknya.

Ciri-ciri atau perkhidmatan tertentu tertakluk kepada terma dan syarat tambahan. Terma dan syarat tambahan ini akan dikemukakan kepada anda sebelum anda menggunakan ciri atau perkhidmatan tersebut. Terma dan syarat tersebut dengan ini menjadi sebahagian daripada Terma-terma ini.

Dengan mengakses atau dengan cara lain menggunakan Perkhidmatan, anda menunjukkan dan menjamin bahawa (a) anda telah mencapai umur dewasa di bidang kuasa mastautin anda; dan (b) anda akan mengakses dan menggunakan Perkhidmatan menurut Terma-terma ini.

Penggunaan Pemegang Kad Visa

Harap maklum bahawa Perkhidmatan hanya disediakan kepada pemegang akaun kad Visa yang merangkumi perkhidmatan concierge sebagai manfaat, atau dibenarkan menggunakan Perkhidmatan bagi pihak pemegang kad tersebut.

Tiada Pengendorsan Produk Atau Pedagang

Visa tidak bergabung dengan mana-mana pedagang pihak ketiga (masing-masing, "**Pedagang**") yang mana produk atau perkhidmatan mereka mungkin diperoleh secara langsung oleh anda, atau ditempah oleh Visa bagi pihak anda, berhubung dengan Perkhidmatan. Visa tidak mengesahkan, menaja, mengendors atau mewakili, dan tidak bertanggungjawab untuk, (a) keselamatan, kualiti, ketepatan, kebolehpercayaan, integriti atau kesahan barangan dan perkhidmatan, atau sebarang nasihat, pendapat, iklan, tawaran, usul, kenyataan, data atau maklumat lain yang dipaparkan, dibeli atau dibayar berhubung dengan Perkhidmatan; (b) keupayaan anda untuk membeli barangan atau perkhidmatan atau keupayaan Pedagang, pengirim atau pihak ketiga lain untuk menghantar barangan atau perkhidmatan; atau (c) Pedagang atau pihak ketiga lain yang mana barangan atau perkhidmatan mereka dipaparkan, ditawarkan atau dibekalkan berhubung dengan Perkhidmatan.

Pembelian barangan dan perkhidmatan daripada Pedagang berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan oleh anda, dan sebarang tempahan yang dilengkapkan oleh Visa menurut permintaan

anda, adalah semata-mata antara anda dan Pedagang yang terlibat, dan Visa tidak merupakan pihak kepada pembelian tersebut. Barangan dan perkhidmatan yang kami membuat percubaan untuk beli bagi pihak anda mengikut permintaan anda adalah tertakluk pada ketersediaan. Anda bertanggungjawab untuk pembayaran semua caj yang dikaitkan dengan mana-mana barangan atau perkhidmatan yang anda peroleh daripada Pedagang berhubung dengan Perkhidmatan.

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana barangan atau perkhidmatan yang telah dibeli berhubung dengan Perkhidmatan, anda hendaklah hubungi terus Pedagang yang berkenaan untuk menyelesaikan kekhawatiran anda. Visa bukan ejen jualan berhubung dengan mana-mana jualan barangan dan/atau perkhidmatan kepada anda oleh mana-mana pihak ketiga, termasuk mana-mana Pedagang. Visa tidak mempunyai kawalan ke atas kualiti, kesesuaian, keselamatan, kebolehpercayaan, kesahan, atau sebarang aspek lain mana-mana barangan atau perkhidmatan yang mungkin dibeli oleh anda menggunakan Perkhidmatan.

Tawaran di Laman Web Pedagang

Perkhidmatan mungkin mengandungi kefungsi yang membolehkan pengguna Perkhidmatan menerima tawaran yang boleh ditebus dengan pedagang pihak ketiga (masing-masing "**Pedagang**"). Satu atau lebih tawaran yang tersedia mungkin disediakan kepada anda menerusi Perkhidmatan atas budi bicara tunggal Visa.

Untuk menebus tawaran yang didapati menerusi Perkhidmatan (secara kolektif, "**Tawaran**") dengan Pedagang yang mengambil bahagian anda mesti menebus Tawaran tersebut semasa tempoh Tawaran berlangsung. Sekiranya Tawaran boleh ditebus secara dalam talian, anda mesti mengikut arahan dalam Tawaran tersebut untuk melaksanakan penebusan, misalnya mengklik pada pautan yang disediakan dalam Tawaran atau memasukkan kod penebusan yang dinyatakan pada kupon dalam talian di medan yang telah disediakan di halaman yang berkenaan pada laman web yang ditetapkan.

Setiap Tawaran tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan di dalamnya dan di dalam butiran yang berkenaan dengan Tawaran khusus tersebut, jika ada, dan hanya sah bagi tempoh yang dinyatakan di dalam Tawaran khusus tersebut. Anda hanya boleh menggunakan setiap Tawaran satu kali sahaja, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam terma dan syarat Tawaran.

TERMA DAN SYARAT BERIKUT TERPAKAI KEPADA SETIAP TAWARAN, MELAINKAN DINYATAKAN SEBALIKNYA DI DALAM TEKS TAWARAN, TERMA DAN SYARAT TAWARAN ATAU PADA TEMPAT PEMBELIAN: TERTAKLUK PADA KETERSEDIAAN; DIHADKAN KEPADA SATU PENEBUSAN UNTUK MANA-MANA SATU TAWARAN

UNTUK SETIAP PEMEGANG KAD; TAWARAN YANG BOLEH DITEBUS SECARA BERSEMUKA DI LOKASI PEDAGANG RUNCIT HANYA

BOLEH DITEBUS DENGAN MENUNJUKKAN KUPON YANG BERKENAAN KEPADA PEDAGANG; TAWARAN SAH DI

DI PEDAGANG YANG MENGAMBIL BAHAGIAN IAITU DI DALAM KEDAI ATAU DALAM TALIAN SAHAJA (SEPERTI YANG BERKENAAN DAN DINYATAKAN DALAM

BUTIRAN TAWARAN YANG SEBEBAR); TAWARAN TIDAK BOLEH DIGABUNGAN DENGAN PROMOSI ATAU

TAWARAN LAIN DAN TIDAK BOLEH DITEBUS UNTUK WANG TUNAI; TAWARAN TIDAK SAH DENGAN KAD HADIAH, SIJIL

HADIAH ATAU PEMBELIAN SEBELUMNYA. MUNGKIN TERTAKLUK PADA SEKATAN LAIN. LIHAT SETIAP

TERMA DAN SYARAT TAWARAN UNTUK BUTIRAN LANJUT. TERMA DAN SYARAT BERIKUT JUGA TERPAKAI: TIDAK TERMASUK CUKAI DAN GANJARAN; TIDAK TERMASUK MINUMAN BERALKOHOL. HANYA SAH DI LOKASI FIZIKAL PEDAGANG YANG MENGAMBIL BAHAGIAN (ATAU, BAGI TAWARAN DALAM TALIAN, DI MANA SAHAJA PENGHANTARAN DISEDIKAN OLEH PEDAGANG YANG MENGAMBIL BAHAGIAN).

Tawaran Mudah Alih

Harap maklum bahawa jika anda memilih (*opt-in*) untuk menerima Tawaran melalui peranti mudah alih atau menggunakan Aplikasi, kadar mesej dan data pembekal perkhidmatan wayarles anda akan dikenakan dan anda bertanggungjawab kepada pembekal perkhidmatan wayarles anda untuk sebarang caj sedemikian. Maklumat penting yang lain, seperti arahan untuk memilih keluar (*opt-out*) dan pilihan bantuan, akan disediakan kepada anda apabila anda memilih *opt-in*.

Caj dan Peralatan

Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyediakan sebarang perkakasan, sistem dan program perisian yang anda gunakan untuk mengakses Perkhidmatan, apa-apa maklumat yang anda simpan dengan Perkhidmatan, dan sebarang yuran, caj dan perbelanjaan yang berkaitan. Contohnya, anda dikehendaki menampung kos untuk memperoleh komputer peribadi yang bersesuaian (dengan penyulitan pelayar tahap tinggi), pelan akses Internet daripada pembekal perkhidmatan dan alamat e-mel yang sah.

Perubahan Terma-terma Ini; Penamatan

Visa berhak, atas budi bicara tunggalnya, untuk mengubah Terma-terma ini pada bila-bila masa. Anda boleh mendapati versi terkini Terma-terma ini di menu *burger* sebelah kiri aplikasi Visa Concierge anda. Sebarang perubahan pada Terma-terma ini akan disiarkan di sini, oleh itu, sila menyemak Terma-terma ini dari masa ke masa. Secara alternatif, anda boleh meminta Concierge anda untuk menghantar versi terkini Terma dan Syarat kepada anda melalui e-mel. Tarikh perubahan terkini akan dinyatakan dengan tarikh "Kemas Kini Terakhir" di atas. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, penggunaan terus Perkhidmatan oleh anda selepas apa-apa perubahan menandakan penerimaan anda terhadap Terma-terma sepertimana diubah.

Visa boleh, atas budi bicara tunggalnya, menamatkan, menukar, mengubah, menggantung, membuat penambahbaikan atau menghentikan mana-mana atau semua aspek Perkhidmatan ini, secara sementara atau kekal, termasuk ketersediaan mana-mana ciri Perkhidmatan atau akses kepada mana-mana bahagian Perkhidmatan, pada bila-bila masa atau tanpa notis kepada anda.

Anda bersetuju bahawa Visa tidak bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga untuk sebarang perubahan, penggantungan atau penghentian Perkhidmatan.

Anda boleh menamatkan penggunaan Perkhidmatan pada bila-bila masa. Visa boleh menggantung, menghentikan atau menamatkan akses anda kepada atau penggunaan Perkhidmatan serta-merta pada bila-bila masa dan tanpa notis atau obligasi kepada anda terlebih dahulu (a) jika anda melanggar mana-mana daripada Terma-terma ini seperti yang ditentukan oleh Visa atas budi bicara tunggalnya, atau (ii) untuk apa-apa sebab lain atas budi bicara tunggal Visa. Visa boleh memaklumkan anda mengenai penggantungan, penghentian atau penamatan sedemikian dengan menyiarkan notis di Laman Web, di mana-mana halaman web yang dibuka semasa menggunakan Perkhidmatan, melalui e-mel kepada alamat e-mel yang anda berikan kepada Perkhidmatan sewaktu atau selepas pendaftaran, atau secara lain. Setelah menerima notis sedemikian anda hendaklah serta-merta berhenti menggunakan Perkhidmatan semasa tempoh penggantungan (untuk penggantungan) atau secara kekal (untuk penghentian atau penamatan).

Mana-mana peruntukan yang bersifat tidak terjejas oleh penamatan hendaklah kekal selepas sebarang penamatan penggunaan Perkhidmatan oleh anda. Anda bersetuju bahawa Visa tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk apa-apa penggantungan, penghentian, penamatan, perubahan atau pindaan penggunaan atau akses anda kepada Perkhidmatan.

Privasi

Untuk maklumat mengenai amalan-amalan privasi Visa berhubung dengan Perkhidmatan, sila baca Dasar Privasi Visa Concierge, yang boleh didapati di menu *burger* di sebelah kiri Aplikasi Visa Concierge anda. Dasar Privasi digabungkan ke dalam Terma-terma ini dan menerangkan bagaimana Visa

mengumpul, mengguna dan berkongsi maklumat peribadi anda berhubung dengan Perkhidmatan. Dengan menggunakan Perkhidmatan, anda bersetuju dengan terma-terma Dasar Privasi.

Pemberian Lesen

Visa memberi kepada anda lesen yang terhad, boleh ditarik balik, tidak eksklusif, tidak boleh disublesenkan dan dengan cara lain tidak boleh dipindah milik untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan (termasuk apa-apa Kandungan) menurut Terma-terma ini. Visa boleh atas budi bicara tunggalnya menggantung, menghentikan atau menamatkan lesen ini pada bila-bila masa untuk apa-apa sebab. Anda boleh menggunakan Perkhidmatan untuk penggunaan peribadi, bukan komersial, sendiri anda. Tiada bahagian Perkhidmatan ini boleh dihasilkan semula dalam apa-apa bentuk, disimpan atau digabungkan ke dalam mana-mana sistem pengambilan semula maklumat, elektronik, mekanikal atau dalam bentuk lain. Anda tidak boleh menggunakan, menyalin, meniru, mengklon, menyewa, memajak, menjual, mengubahsuai, nyahkompil, nyahhimpun, melakukan kejuruteraan terbalik atau memindah milik Perkhidmatan atau mana-mana bahagiannya. Anda tidak boleh menggunakan mana-mana peranti, perisian atau rutin untuk mengganggu atau membuat percubaan untuk mengganggu fungsi Perkhidmatan dan anda juga tidak boleh mengambil sebarang tindakan yang mengenakan beban yang tidak berpatutan atau tidak seimbang ke atas Sistem seperti yang ditentukan oleh Visa mengikut budi bicaran tunggalnya. Semua hak yang tidak berikan secara jelas kepada anda adalah terpelihara oleh Visa.

Hak Proprietari

Semua hak pemilikan dan hak milik dalam dan ke atas Perkhidmatan, termasuk semua Kandungan di dalamnya, dimiliki oleh Visa dan pemberi lesen Visa dan dilindungi di bawah hak cipta, cap dagang dan hak proprietari lain (termasuk, tanpa had, harta intelek) dan triti antarabangsa yang berkenaan. Melainkan dan kecuali dinyatakan secara jelas dalam Terma-terma ini, anda tidak boleh menghasilkan semula, melaksanakan, mencipta hasil derivatif daripada, menerbitkan semula, memuat naik, menyiarkan, menghantar atau mengedarkan dengan apa cara sekalipun Perkhidmatan, atau mana-mana bahagian Perkhidmatan, termasuk, tanpa had, apa-apa Kandungan, tanpa kebenaran bertulis daripada Visa terlebih dahulu.

Kelakuan Pengguna

Semasa mengakses atau menggunakan Perkhidmatan, anda bersetuju, tanpa batasan untuk:

- tidak menggunakan Perkhidmatan dengan cara yang melanggar Terma-terma ini;
- tidak menggunakan Perkhidmatan bagi tujuan komersial;
- tidak menyiarkan apa-apa iklan atau permintaan dana, barangan atau perkhidmatan;
- tidak menghantar *spam* atau melakukan *phishing* untuk mendapatkan maklumat peribadi orang lain;
- tidak mengganggu atau mengusik keselamatan, atau dengan cara lain menyalah guna Perkhidmatan, atau mana-mana bahagian Perkhidmatan;
- tidak memuat naik, menyiarkan atau dengan cara lain menghantar menerusi atau pada Perkhidmatan apa-apa virus atau fail lain yang memudaratkan, mengganggu atau membinasakan;
- tidak menggunakan, membingkai (*frame*) atau menggunakan teknik membingkai untuk mengurung mana-mana bahagian Perkhidmatan tanpa kebenaran bertulis Visa terlebih dahulu.
- tidak menggunakan *meta tag* atau mana-mana “teks tersembunyi” yang menggunakan nama, cap dagang atau nama produk Visa tanpa kebenaran bertulis Visa terlebih dahulu;
- tidak menjalankan “*deeplink*” ke atas Perkhidmatan tanpa kebenaran bertulis Visa terlebih dahulu;
- tidak mencipta atau menggunakan identiti palsu di Perkhidmatan;

- tidak mengumpul, menyimpan atau menyiarkan data peribadi mengenai orang lain;
- tidak membuat percubaan untuk memperoleh akses yang tidak dibenarkan ke Perkhidmatan atau sebahagian Perkhidmatan yang telah dilarang daripada akses umum;
- tidak menggunakan Perkhidmatan dengan cara yang menyalahi undang-undang atau menggalakkan atau menyokong aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- tidak menyiarkan sebarang bahan yang palsu dan/atau bersifat fitnah, tidak tepat, kesat, berunsur kebencian, mengganggu, lucah, kasar, berorientasi seksual, mengugut, mencerooboh privasi seseorang, melanggar mana-mana hak proprietari pihak ketiga, atau melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan;
- tidak menyiarkan sebarang bahan berhak cipta (atau proprietari lain) melainkan hak cipta tersebut (atau hak proprietari lain) dimiliki oleh anda dan anda berhak melakukan demikian; dan
- tidak menggunakan Perkhidmatan dengan cara yang melanggar terma dan syarat laman web mana-mana pihak ketiga, bersifat libel, memfitnah, lucah, kesat, berunsur pornografi, mengugut atau mencerooboh privasi; melanggar hak harta intelek, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, hak cipta dan cap dagang, mana-mana individu atau entiti.

Selain itu, anda bersetuju bahawa anda akan mematuhi semua undang-undang tempatan, negeri, negara dan antarabangsa, termasuk peraturan dan keperluan undang-undang lain yang berkaitan dengan penggunaan atau aktiviti yang berhubung dengan Perkhidmatan. Anda juga bersetuju untuk bertindak selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Terma-terma ini.

Anda bersetuju untuk memaklumkan kami dengan segera sekiranya anda mengesyaki aktiviti yang menyalahi undang-undang, bersifat penipuan atau salah guna, atau mana-mana aktiviti yang melanggar Terma-terma ini, termasuk sebarang akses yang tidak dibenarkan ke Akaun anda. Jika anda memaklumkan kepada kami, atau kami dengan cara lain mengesyaki aktiviti sedemikian, anda bersetuju untuk bekerjasama dengan kami dalam sebarang penyiasatan dan menggunakan sebarang langkah pencegahan yang ditetapkan oleh kami.

Komunikasi Elektronik

Semua komunikasi elektronik daripada kami kepada anda dianggap sebagai komunikasi "bertulis" dan dianggap telah dihantar kepada anda pada awal tarikh penerimaan sebenar atau lima hari dari tarikh penghantaran atau penyebaran. Untuk mengakses maklumat secara elektronik, anda memerlukan komputer/ telefon bimbit yang serasi dengan [Windows atau Mac, akses Internet dengan pelayar JavaScript dilengkapi penyulitan 128-bit (seperti Microsoft Internet Explorer v. 5.0 atau lebih baharu atau pelayar lain yang serasi)] dan akaun e-mel. Untuk mengekalkan salinan komunikasi elektronik, anda memerlukan mesin pencetak yang disambungkan kepada komputer anda atau kebolehan untuk menyimpan salinan elektronik. Jika anda menggunakan Laman web atau aplikasi, kami tiada obligasi untuk menyediakan sebarang salinan keras komunikasi tambahan kepada anda.

Penafian Waranti

PERKHIDMATAN, SECARA KESELURUHAN DAN SEBAHAGIAN, DISEDIAKAN ATAS DASAR "SEPERTI SEDIA ADA" DAN "SEPERTI TERSEDIA", TANPA SEBARANG JENIS WARANTI JELAS ATAU TERSIRAT, TERMASUK, TANPA BATASAN, WARANTI HAK MILIK, WARANTI TERSIRAT KEBOLEHDAGANGAN ATAU KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU. TANPA MEMBATASKAN KELUASAN MAKNA APA-APA YANG DINYATAKAN SEBELUM INI, VISA TIDAK MEMBUAT PERWAKILAN ATAU MEMBERI WARANTI: (A) BAHAWA PERKHIDMATAN AKAN BERFUNGSI SEPERTI YANG DIMAKSUDKAN, AKAN TERSEDIA ATAU TIDAK TERGANGGU, SELAMAT ATAU BEBAS PENINGGALAN ATAU BEBAS RALAT; (B) KE ATAS BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBELI DARIPADA PEDAGANG

BERDASARKAN MAKLUMAT YANG DISIMPAN DENGAN ATAU DENGAN CARA LAIN AKIBAT PENGGUNAAN PERKHIDMATAN; (C) BAHAWA KECACATAN, PENINGGALAN ATAU RALAT DALAM PERKHIDMATAN AKAN DIPERBETULKAN; (D) BAHAWA PERKHIDMATAN ADALAH BEBAS DARIPADA VIRUS ATAU KOMPONEN LAIN YANG MEMUDARATKAN; (E) KE ATAS KUALITI, KETEPATAN, KESEMPURNAAN ATAU KESAHAN MANA-MANA MAKLUMAT ATAU BAHAN-BAHAN YANG ANDA TERIMA BERHUBUNG DENGAN PERKHIDMATAN; (F) BAHAWA PENGHANTARAN MENERUSI PERKHIDMATAN ADALAH SELAMAT; (G) BAHAWA PENGGUNAAN PERKHIDMATAN OLEH ANDA AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA; ATAU (H) BAHAWA DATA YANG DIKUMPUL, DISIMPAN ATAU DIPROSES MELALUI PERKHIDMATAN ADALAH TERSEDIA, SELAMAT ATAU BEBAS PENINGGALAN ATAU BEBAS RALAT.

Pembatasan Liabiliti

SETAKAT MANA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, ANDA DENGAN JELAS MENGAKUI DAN BERSETUJU BEHAWA ANDA BERTANGGUNGJAWAB DAN MENGAMBIL RISIKO SEPENUHNYA UNTUK PENGGUNAAN PERKHIDMATAN OLEH ANDA DAN HASIL DAN PRESTASI PERKHIDMATAN DARIPADANYA (TERMASUK, TANPA BATASAN, PEMBELIAN ATAU PENGGUNAAN ATAU PENERIMAAN ANDA TERHADAP MANA-MANA BARANGAN, PERKHIDMATAN BERHUBUNG DENGAN PERKHIDMATAN) DALAM APA JUA KEADAAN DAN DI BAWAH APA JUA SEBAB TINDAKAN, TERMASUK, TANPA BATASAN, KECUAIAN, VISA DAN SUBSIDIARINYA, AHLI GABUNGAN ATAU MANA-MANA PEGAWAI, PENGARAH, AHLI, PEKERJA ATAU EJEN YANG DIBERI KUASA, VENDOR ATAU PEMBEKAL PERKHIDMATAN (SECARA KOLEKTIF, "**PIHAK VISA**") TIDAK AKAN BERTANGGUNGAN UNTUK SEBARANG GANTI RUGI, TUNTUTAN ATAU KERUGIAN YANG TIMBUL (TERMASUK, TANPA BATASAN, GANTI RUGI LANGSUNG, PAMPASAN, SAMPINGAN, TIDAK LANGSUNG, KHAS, BERBANGKIT ATAU MEMBEBANKAN), YANG DISEBABKAN OLEH APA CARA SEKALIPUN DAN DI BAWAH MANA-MANA TEORI LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERHUBUNG DENGAN MANA-MANA DARIPADA PERKARA ATAU KEADAAN BERIKUT, WALAUPUN PIHAK VISA DINASIHATKAN MENGENAI KEMUNGKINAN GANTI RUGI, TUNTUTAN ATAU KERUGIAN SEDEMIKIAN: (A) PENGGUNAAN ATAU KETIDAKUPAYAAN UNTUK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN; (B) APA-APA BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBELI BERHUBUNG DENGAN PERKHIDMATAN; (C) MANA-MANA LAMAN WEB, KANDUNGAN ATAU SUMBER PIHAK KETIGA YANG DIGUNAKAN BERHUBUNG DENGAN ATAU DISEDIAKAN MENERUSI PERKHIDMATAN, TERMASUK, TANPA BATASAN, MANA-MANA LAMAN ATAU KANDUNGAN PEDAGANG YANG DISEDIAKAN OLEH PEDAGANG ATAU PIHAK KETIGA LAIN; (D) PERTIKAIAN ANTARA ANDA DAN PENGGUNA LAIN, ATAU ANTARA ANDA DAN PEDAGANG; (E) SEBARANG KETIDAKTEPATAN, KETIDAKSEMPURNAAN ATAU SALAH NYATA MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM APA-APA MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN MENERUSI PERKHIDMATAN; (F) AKSES YANG TIDAK DIBENARKAN KEPADA, ATAU PEMINDAAN ATAU

KEHILANGAN, PENGHANTARAN ATAU DATA ANDA, ATAU MAKLUMAT LAIN YANG DIKUMPUL, DISIMPAN ATAU DIHANTAR BERHUBUNG DENGAN PERKHIDMATAN; (G) RALAT, MASA HENTI SISTEM, GANGGUAN RANGKAIAN ATAU SISTEM, KEROSAKAN FAIL ATAU GANGGUAN PERKHIDMATAN; ATAU (H) SEBARANG PENGGUNAAN LAIN PERKHIDMATAN OLEH ANDA.

WALAU APA PUN YANG DINYATAKAN SEBALIKNYA DI DALAM INI, LIABILITI KUMULATIF VISA KEPADA ANDA YANG TIMBUL DARIPADA APA JUA SEBAB SEKALIPUN, DAN TANPA MENGIRA JENIS

TINDAKAN, ADALAH PADA SETIAP MASA TERHAD KEPADA JUMLAH YANG TELAH DIBAYAR, JIKA ADA, OLEH ANDA UNTUK MANA-MANA BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN YANG DIPEROLEH MENERUSI PERKHIDMATAN. JIKA TIADA JUMLAH TELAH DIBAYAR, REMEDI TUNGGAL ANDA DI BAWAH TERMA-TERMA INI HENDAKLAH TERHAD KEPADA \$25.

Pengecualian

BIDANG KUASA TERTENTU TIDAK MEMBENARKAN PENAFIAN, PENGECUALIAN ATAU PEMBATASAN

WARANTI, LIABILITI DAN GANTI RUNGI TERTENTU, OLEH ITU, BEBERAPA PENAFIAN, PENGECUALIAN DAN PEMBATASAN YANG DINYATAKAN DI ATAS MUNGKIN TIDAK TERPAKAI KEPADA ANDA. DALAM BIDANG KUASA SEDEMIKIAN, LIABILITI VISA AKAN DIBATASKAN SETAKAT MANA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN.

Laman Web, Kandungan dan Sumber Pihak Ketiga

Perkhidmatan termasuk dan membenarkan anda memaut kepada atau mengakses sambungan langsung ke laman web, kandungan atau sumber pihak ketiga. Anda mengakui bahawa Visa tidak mempunyai kawalan ke atas laman web, kandungan atau sumber pihak ketiga sedemikian, yang disediakan oleh syarikat atau pihak lain selain Visa. Anda mengakui dan bersetuju bahawa Visa tidak bertanggungjawab untuk ketersediaan mana-mana laman web, kandungan atau sumber pihak ketiga sedemikian. Anda turut mengakui bahawa Visa tidak bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh anda disebabkan oleh laman web, kandungan atau sumber pihak ketiga ini, termasuk, tanpa batasan, kerugian atau kerosakan yang dialami berhubung dengan pembelian yang dilakukan menerusi Perkhidmatan.

Terma-terma Am

1. Undang-undang Eksport. Anda mengakui bahawa undang-undang dan peraturan negara-negara tertentu mungkin mengehadkan eksport dan eksport semula Perkhidmatan. Anda bersetuju untuk tidak mengeksport atau mengeksport semula Perkhidmatan dalam apa jua bentuk atau kepada mana-mana penerima dengan cara yang menyalahi undang-undang yang berkenaan.
2. Force Majeure. Visa tidak bertanggungjawab walaupun sebarang jumlah untuk kegagalan melaksanakan mana-mana kewajipan menurut Terma-terma ini jika kegagalan sedemikian disebabkan oleh apa-apa kejadian di luar jangkaan yang berada di luar kawalan berpatutannya, termasuk, tanpa batasan, gangguan Internet, gangguan komunikasi, kebakaran, banjir atau peperangan.
3. Tajuk. Tajuk bahagian-bahagian dalam Terma-terma ini disediakan hanya untuk kemudahan dan tidak membawa sebarang kepentingan undang-undang atau kontrak.
4. Penepian. Kegagalan kami untuk melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana peruntukan atau hak Terma-terma ini tidak boleh dianggap sebagai penepian peruntukan atau hak tersebut.
5. Keseluruhan Perjanjian. Terma-terma (termasuk Dasar Privasi yang digabungkan dalam Terma-terma ini melalui rujukan) membentuk keseluruhan perjanjian antara Visa dan anda berkenaan dengan Perkhidmatan. Terma-terma ini tidak meminda atau dengan cara lain mengubah perjanjian kad anda dengan pengeluar kad masing-masing ("Pengeluar"). Sekiranya terdapat unsur yang tidak konsisten antara Terma-terma ini dan perjanjian kad anda dengan Pengeluar

yang berkenaan, Terma-terma ini akan mentadbir hubungan antara anda dan Visa hanya berkenaan Perkhidmatan, manakala perjanjian kad anda dengan Pengeluar mentadbir hubungan antara anda dan Pengeluar.

6. Tanggungjawab Rugi. Anda bersetuju untuk menanggung rugi, mempertahankan dan melindungi Pihak Visa daripada sebarang kerugian, liabiliti, tuntutan atau permintaan, termasuk kos dan yuran peguam yang berpatutan, yang dibuat oleh mana-mana pihak ketiga akibat daripada, berhubung dengan atau yang timbul daripada penggunaan Perkhidmatan oleh anda atau yang timbul daripada pelanggaran Terma-terma ini oleh anda, termasuk sebarang perwakilan atau waranti yang dinyatakan di dalam ini, pelanggaran undang-undang berkenaan oleh anda, atau pelanggaran mana-mana hak individu atau entiti lain oleh anda.
7. Kebolehasihan. Jika mana-mana peruntukan Terma-terma ini didapati menyalahi undang-undang, tidak sah atau untuk apa-apa sebab tidak dapat dikuatkuasakan oleh mahkamah bidang kuasa kompeten, maka peruntukan tersebut hendaklah dianggap terpisah daripada Terma-terma ini dan tidak menjejaskan kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang lain.
8. Pilihan Undang-undang. Anda dan Visa bersetuju bahawa Terma-terma ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Singapura, tidak termasuk peruntukan undang-undang konfliknya sahaja.
9. Pertikaian. Visa dan anda bersetuju bahawa mana-mana dan semua pertikaian, tuntutan dan kuasa tindakan yang timbul daripada atau berhubung dengan Terma-terma ini atau Perkhidmatan hendaklah diselesaikan secara eksklusif di mahkamah Singapura, dan Visa dan anda masing-masing menyetujui sebarang lokasi bidang kuasa atau bantahan forum yang menyusahkan kepada mahkamah sedemikian.

Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak ada sebarang tuntutan, tindakan atau prosiding oleh anda berkenaan Perkhidmatan dengan apa cara sekalipun atau Terma-terma ini boleh dimulakan lebih dari satu (1) tahun selepas kebangkitan kuasa tindakan.
10. Hubungan antara Pihak. Tiada apa-apa dalam Terma-terma ini akan ditafsirkan sebagai penciptaan usaha sama, pekerjaan atau hubungan agensi antara anda dan Visa, dan anda tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mencipta sebarang kewajipan atau membuat sebarang perwakilan bagi pihak Visa.
11. Penyerahan Hak. Anda tidak boleh menyerah hak Terma-terma menerusi pelaksanaan undang-undang atau dengan cara lain, tanpa kebenaran bertulis daripada Visa. Visa berhak untuk menyerah hak Terma-terma ini secara bebas, dan hak serta kewajipan yang dinyatakan di sini, kepada mana-mana pihak ketiga tanpa notis atau kebenaran. Tertakluk pada apa yang dinyatakan sebelum ini, Terma-terma ini mengikat, disediakan bagi manfaat, dan boleh dikuatkuasakan terhadap anda dan pengganti dan penerima serah hak anda yang berkenaan.

